

Headline	Seminar Rich bentuk individu cemerlang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	16	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>
Journalist	MUHAMAD ADZHAR TAJUDDIN	AdValue	RM 1,507
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,521



# Seminar Rich bentuk individu cemerlang

**MUHAMAD ADZHAR TAJUDDIN**

**KELANA JAYA** - Seminar Rahsia Insan Cemerlang Hidup (Rich) adalah salah satu program yang diadakan secara percuma khusus untuk membentuk individu cemerlang dan berjaya berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.

Pengarah Yayasan Warisan Ummah Ikhlas, Marhaini Yusoff, berkata, seminar anjuran Tabung Haji dengan kerjasama Kumpulan Media Karangkrif itu merupakan salah satu acara yang terkandung di dalam Karnival Jom Pindah selain ianya diadakan sebanyak tiga kali sebelum ini.

"Pertama dulu kami buat di Masjid Kota Damansara, yang kedua di Masjid Al-Falah, Subang Jaya dan yang ketiga di sini.

"Jadi ianya bukan julung kali diadakan dan saya rasa segelintir daripada umum sudah mengetahui perkara ini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Katanya lagi, selain membantu membentuk individu berjaya, seminar itu juga dilaksanakan bagi memberi



Dari kiri: Helmi, Hussamuddin dan Fazrul ketika menyampaikan ucapan sambil bergurau senda dengan peserta.

peluang kepada masyarakat berkongsi idea dan pandangan bernas dengan para panelis yang dijemput.

"Kita jemput ramai tokoh berwibawa untuk seminar ini, contohnya, Datuk Hussamuddin Yaacob, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohammad Tahir dan lain-lain lagi.

"Mereka dijemput bukan sahaja untuk menarik perhatian pendengar malah, lebih kepada memberi perangsang kepada umum untuk berjaya

seperti mereka," katanya.

Ketika ditanya mengapa masjid dipilih sebagai tempat utama dalam menjalankan seminar tersebut, Marhaini berpendapat, ianya merupakan lokasi strategik untuk berkumpul kerana dari zaman Rasulullah SAW lagi, masjid telah digunakan sebagai pusat intelektual untuk umat Islam.

Mengulas lanjut, beliau berharap seminar itu akan dijadikan sebagai panduan oleh peserta yang menghadirinya untuk berjaya di dunia mahu

pun akhirat.

Seminar Rich itu turut disertai Pengarah Urusan Karangkrif, Datuk Hussamuddin Yaacob, Penulis buku *Masterpies*, Fazrul Ismail; panelis seminar Rafidi Ibrahim dan Helmi Yusoff selaku moderator seminar berkenaan.

Selain seminar ini, Karnival Jom Pindah semalam turut menyediakan pelbagai program lain, antaranya qiamullail, solat subuh secara berjemaah yang juga dikenali sebagai solat Subuh terra' dan sebagainya.